

16 MAR 1998

Vietnam-lawat

KETUA KERAJAAN VIETNAM TIBA UNTUK LAWATAN PERTAMA SEJAK 1973

KUALA LUMPUR, 16 Mac (Bernama) -- Presiden Vietnam, Tran Duc Luong, tiba di sini hari ini untuk lawatan rasmi tiga hari, lawatan pertama oleh ketua negara itu sejak Malaysia dan Vietnam menubuhkan hubungan diplomatik pada tahun 1973.

Lawatan Luong itu, yang bertujuan meningkatkan hubungan dua hala antara dua negara Asia Tenggara, juga adalah sebagai membalas lawatan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar ke Vietnam pada 1995.

Ketibaan pemimpin Vietnam itu di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah disambut oleh pemangku Menteri Luar Datuk Dr Abdul Hamid Othman dan Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed yang juga bertindak sebagai Menteri Pengiring.

(Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sekarang berada di Qatar menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri Luar Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC))

Turut hadir ialah Duta Malaysia ke Vietnam, Zainal Abidin Zin, dan Duta Vietnam ke Malaysia Hoang Nhu Ly serta pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Luong kemudiannya dibawa ke Dataran Parlimen untuk upacara sambutan rasmi.

Beliau diiringi oleh delegasi seramai 35 orang mengandungi beberapa orang menteri, timbalan menteri, pegawai kanan kerajaan dan ahli perniagaan.

Kemudiannya, pada upacara rasmi di Dataran Parlimen, Luong disambut oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad .

Beliau memeriksa barisan penghormatan oleh 107 pegawai dan anggota Rejimen Askar Melayu Diraja diketuai oleh Mejar Romai Nor Mohamed dengan diiringi oleh tembakan meriam 21 das.

Selepas itu, beliau diperkenalkan kepada anggota-anggota Kabinet, perwakilan asing dan orang-orang kenamaan yang lain.

Luong akan mengadakan perbincangan dengan Dr Mahathir hari ini mengenai isu-isu dua hala, serantau dan antarabangsa.

Malam ini, Presiden Vietnam itu akan diraikan ke jamuan negara oleh Tuanku Ja'afar di Istana Negara. -- BERNAMA

RV TS WAT